

PM: Saya
sedia

UM 18 FEB 2000
beri
keterangan

SERI KEMBANGAN 17 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau akan menghadiri perbicaraan kes liwat bekas Timbaian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sekiranya mahkamah mendapati keterangannya relevan untuk perbicaraan tersebut.

Perdana Menteri berkata, jika undang-undang mengatakan beliau perlu hadir maka tidak ada apa yang boleh beliau lakukan kecuali mematuhi perintah mahkamah itu.

“Bagaimanapun saya tidak mahu ia menjadi suatu *political stunt*,” katanya selepas menyampaikan ucapan utama pada Persidangan Kargo Udara Asia 2000 di sini hari ini.

Di bicara kan

Dr. Mahathir juga berharap kehadirannya pada perbicaraan tersebut adalah relevan dengan kes yang sedang dibicarakan itu.

“Jika ia tidak relevan dengan kes dan mereka hanya mahu menjadikannya satu pertunjukan politik saya tidak fikir ia sesuatu yang wajar,” jelasnya.

Ditanya apakah kehadirannya akan memberikan kesan, Dr. Mahathir berkata beliau tidak tahu banyak mengenai perkara tersebut.

Bagaimanapun beliau merasakan kesemua bukti telah pun diberikan kepada mahkamah.

Menurut Dr. Mahathir beliau merasakan terdapat pengacau politik yang begitu berkeinginan untuk membawanya ke mahkamah.